

18/06/2001

Simposium perjelas derita rakyat Iraq

Zulkofli Jamaludin

BAGHDAD, Ahad - Persatuan Persahabatan Malaysia Iraq akan menganjurkan simposium bagi menjelaskan kesengsaraan rakyat Iraq berikutan sekatan ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ketua Penaja persatuan itu, Mukhriz Mahathir, berkata simposium yang akan diadakan akhir tahun ini, akan disertai badan bukan kerajaan dan media dari Malaysia serta Iraq.

Katanya, penganjur akan turut menjemput NGO dari Amerika Syarikat dan Eropah yang bersimpati dengan kesengsaraan rakyat Iraq bagi mendesak PBB menarik balik sekatan berkenaan.

Persatuan persahabatan itu yang ditubuhkan sehari sebelum misi keamanan ke Iraq, Rabu lalu, disertai oleh NGO termasuk Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Pemuda Umno.

"Menerusi persatuan ini kita berharap dapat menghebahkan kesengsaraan rakyat Iraq bagi mengajak dunia mendesak PBB menarik balik sekatan ekonomi," katanya selepas menyampaikan mesin fotostat kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Iraq, di sini semalam.

Mesin fotostat tajaan Sapura Holdings Sdn Bhd turut disumbangkan kepada Pertubuhan Pelajar dan Belia Iraq, Persatuan Pengajian Islam Universiti Saddam dan Pertubuhan Persekutuan Wanita Iraq.

Ansara adalah antara NGO yang menyertai misi keamanan itu, yang turut disertai kakitangan Wisma Putra, sektor awam, swasta, pensyarah, guru dan pelajar perubatan institusi pengajian tinggi awam serta media.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Malaysia, Datuk Wan Mahmood Pawan Teh, berkata persatuan berkenaan akan memberi sumbangan jurnal perubatan kepada PBSM Iraq.

Katanya, PBSM Iraq akan mencetak jurnal itu untuk disebarikan kepada doktor di Iraq yang menghadapi kekurangan buku dan maklumat terbaru mengenai bidang perubatan.

(END)